

Bil. S 38

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 5 TAHUN 2011

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

JADUAL

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 5 TAHUN 2011

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 5(1) dan (2) dari Akta Penyemakan Undang-Undang (Pengal 1), maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 5 tahun 2011 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengeluaran dan penggantian mukasurat-mukasurat.

2. (1) Pengeluaran dari Undang-Undang adalah dengan ini diarahkan bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

(2) Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang diarahkan untuk dikeluarkan di bawah perenggan kecil (1), bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual di bawah ini dan tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat, merujuk kepada undang-undang bertulis yang disebut dalam ruang-ruang pertama dan kedua.

JADUAL

BAHAGIAN A

Pengal	Tajuk	Mukasurat-mukasurat	Tulisan
71	Akta Elektrik	1 hingga 10	B.L.R.O. 2/2003

BAHAGIAN B

Pengal	Tajuk	Mukasurat-mukasurat	Tulisan
71	Akta Elektrik	1 hingga 12	B.L.R.O. 5/2011.

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 5 haribulan Julai, 2011.

DATIN PADUKA DAYANG HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG KAYA
SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD. SALLEH
Peguam Negara,
Negara Brunei Darussalam.